

07/12/1998

Peladang disaran kuasai teknologi canggih

LANGKAWI, Ahad - Peladang disaran menguasai ilmu dan teknologi yang canggih dalam usaha memakmurkan sektor pertanian dan makanan negara sekaligus mengurangkan import.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata dalam hubungan ini, pembinaan Institut Pengurusan Peladang (IPP) adalah satu lagi projek prasarana kerajaan yang dapat membantu negara untuk mencapai matlamat itu.

Dengan adanya IPP, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan dapat melahirkan masyarakat peladang berilmu, berpengetahuan luas dan berdaya maju menerusi pelbagai latihan berterusan dalam bidang teknologi terkini,

"Hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan bahan makanan tidak akan tercapai jika peladang dan pengusaha pertanian masih mengamalkan teknik pengeluaran dan pengurusan secara tradisional.

"Oleh itu, peladang harus sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, menerapkan dan mengamalkan teknologi pengeluaran dan pendapatan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian IPP dan mesyuarat ke-25 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di sini, hari ini. Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara matlamat penubuhan IPP ialah memberi latihan komprehensif dan bersepadu merangkumi aspek kemahiran, pengurusan dan keusahawanan untuk anggota LPP dan ahli pertubuhan peladang.

Selain itu, ia bertujuan mengadakan kursus yang dijual secara pakej untuk usahawan individu, sektor awam dan swasta dalam bidang yang sesuai mengikut keadaan semasa.

Terdahulu, Pengerusi LPP, Tan Sri Mustapa Abdul Jabar, berkata kewujudan IPP di Langkawi amat bermakna kepada LPP, pertubuhan peladang dan peladang kerana ia menjadi lambang keutuhan dan semangat jati diri dalam meningkatkan martabat peladang menerusi budaya ilmu.

Menerusi IPP, katanya, adalah diharap ia dapat melahirkan peladang yang mahir, berwibawa dan profesional bagi menangani cabaran masa kini dan masa depan.

(END)